

BAHAGIAN A

SOALAN A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang sesuai pada setiap perkataan..

Rebana merupakan sejenis alat muzik tradisional yang terkenal di kalangan masyarakat Melayu. Kulit kambing **(1) guna** pada permukaannya dan dilekatkan dengan paku-paku yang **(2) tentu** untuk memastikan ketahanan yang kuat pada rebana tersebut. Rebana boleh dikatakan telah berasal dari kawasan Timur Tengah. Ianya biasa dimainkan di majlis-majlis perkahwinan dan **(3) ramai** kerana bunyinya amat merdu sekali. Cara **(4) pukul** rebana ialah dengan menggunakan jari-jemari untuk menepuk bahagian kulit rebana. Pada zaman ini, pelbagai **(5) sesuai** telah dibuat bagi menggabungkan irama muzik tradisional dan moden melalui alat rebana. Namun, selain pengetahuan tentang alat-alat muzik tradisional, para pelajar harus juga dididik tentang tradisi Melayu yang lain dengan lebih mendalam lagi.

SOALAN A2 (5 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi melengkapkan jalan cerita petikan karangan.

- (A) ringan tulang berat perut
- (B) sebab buah dikenal pohonnya
- (C) baik membawa resmi ayam betina
- (D) melentur buluh biarlah dari rebung
- (E) seperti harimau menyembunyikan kukunya
- (F) di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
- (G) hidup kayu berbuah, hidup manusia berjasa
- (H) diam-diam ubi berisi, diam-diam besi berkarat
- (I) hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
- (J) hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri

Syafiq seorang remaja yang patut dicontohi. Baru-baru ini, dia telah menerima anugerah pelajar cemerlang dari Universiti Cornell, sekaligus membuka peluangnya untuk bekerja dengan syarikat-syarikat ternama di Amerika Syarikat. Namun begitu, baginya walau **(6) bagaimana mewah sekalipun di negeri orang, negeri sendiri juga yang lebih baik.**

Kini Syafiq kembali ke Singapura **(7) untuk berbakti kepada masyarakat kerana dia percaya seseorang yang hidup di dunia ini mestilah berbuat baik bukan hanya untuk diri sendiri.** Kalau dahulu Syafiq suka bersikap **(8) menyembunyikan pengetahuannya walaupun dia sebenarnya bijaksana,** kini dia lebih terbuka berkongsi pengalamannya berjuang untuk berjaya kerana dia mahu semua belia tahu bahawa **(9) sikap rajin dan tekun berusaha akan membuat seseorang murah rezeki.**

Selain itu, dia juga sedar bahawa sebahagian daripada kejayaannya bergantung kepada sokongan teman-teman seperjuangannya. Mereka **(10) sama-sama menikmati kesenangan dan kesusahan** hingga akhirnya berjaya dalam bidang masing-masing. Syafiq berharap ramai lagi belia yang akan mengikut jejak langkahnya.

SOALAN A3 (5 markah)

Arahan: Isi tempat kosong dengan perkataan yang sesuai bagi melengkapkan teks.

dibentuk	melibatkan	pencetus
diluangkan	menggunakan	walaupun
dihabiskan	penghalang	

Kegiatan kokurikulum di sekolah mempunyai matlamat tertentu. Kegiatan ini bertujuan mengisi masa lapang pelajar selepas waktu persekolahan **(11)** ____ ada sesetengah pelajar yang mengeluh akan masa yang harus **(12)** _____. Di samping itu, kegiatan ini juga memberi kebaikan kepada pelajar sebagai usaha memantapkan pelajar selepas tamat persekolahan mereka. Dalam aktiviti kokurikulum, mereka **(13)** ____ sebagai pelajar yang berkebolehan atau mempunyai pengalaman dalam aktiviti-aktiviti tertentu.

Contohnya, pelajar yang memasuki persatuan yang **(14)** ____ pakaian seragam, mereka akan mempunyai tahap disiplin yang tinggi, mempunyai semangat bekerjasama dan berani. Jika mereka memasuki aktiviti sukan, mereka juga ditanam dengan semangat juang yang tinggi, semangat kesukanan dan juga berdisiplin.

Memandangkan pelbagai bentuk gejala sosial semakin melanda remaja pada zaman ini, aktiviti kokurikulum dianggap sebagai **(15)** ____ kepada remaja yang terjebak ke dalam kancan-kancan yang kurang sihat. Justeru, dengan wujudnya kegiatan kokurikulum di sekolah, masa lapang mereka dapat diisi dengan sebaiknya.

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti

Petikan 1

Sepintas Kenangan

Menyingkap Keindahan Romania 1992

Bucuresti, 1499, Perang Saudara Popescu. Selama 257 hari tentera pimpinan Numitrescu yang zalim itu telah mengepung bandar ini. Namun akhirnya, yang ketara ialah mereka terpaksa berundur kerana kecekalan penduduknya yang terus menentang mereka walaupun jumlah penduduk itu sedikit. Penduduk di kota itu juga dibantu oleh musim sejuk serta bekalan makanan yang berkurangan. Inilah sejarah ibu negara Romania yang sekarang dikenali sebagai Bucharest.

Kini, walaupun keadaan cuaca pada hujung tahun masih sejuk, bandar Bucharest amat memikat para pengunjung asing yang datang ke bandar itu. Istana-istananya yang dibina oleh raja-raja *Domnitor* pada abad ke-17 kekal tegap berdiri dan mewarnai bandar tersebut. Seni bina seperti inilah merupakan tujuan utama para pendatang asing tedorong untuk ke kota ini.



Antaranya ialah, “Zambaccian Museum”, “Cotroceni Palace National Museum” dan “Theodor Pallady Museum” yang merupakan muzium yang kedua terbesar selepas muzium Louvre di Paris, Perancis.



Selain itu, bandar Bucharest ini juga mempunyai beberapa buah masjid yang menunjukkan kedatangan Islam pada abad ke-17 di zaman *Domnitor* sehingga zaman rejim komunis yang mengamalkan sistem pemerintahan yang **hambar** kerana kurang mepedulikan nasib rakyat sama sekali.

Bandar Bucharest juga pernah dianggap sebagai Paris Timur kerana mempunyai sebatang sungai yang luas dan panjang yang mengalir betul-betul di tengah bandar itu seperti French Riviera di Paris. Ini membuat para pelancong berasakan yang mereka seolah-olahnya berada di Paris sendiri.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di atas, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

- 16** Fakta utama yang menyebabkan tentera Numitrescu terpaksa berundur dari Bucuresti ialah _____.
- (A) kekurangan makanan
 - (B) penduduk yang tidak putus asa
 - (C) tidak mempunyai tentera yang cukup
 - (D) tahap kesejukan yang tinggi di kawasan itu
- 17** Tujuan utama para pelancong gemar ke kota Bucharest ialah kerana_____.
- (A) ingin menikmati keadaan cuaca yang sejuk
 - (B) ingin mengetahui sejarah muzium-muzium di situ
 - (C) ingin meneliti barangan lama milik raja-raja *Domnitor*
 - (D) ingin melihat keindahan bangunan-bangunan yang dibina dahulu
- 18** Maksud perkataan **hambar** ialah _____.
- (A) kurang adil
 - (B) kurang pasti
 - (C) kurang prihatin
 - (D) kurang memuaskan

Pengalaman di Koliseum



Realisasikan pengalaman berbulan madu yang anda impikan!

Sebuah tempat yang menjadi ikon global negara Itali!

Pemandangan Menakjubkan

Pengalaman pemandangan 360 darjah kota indah Rome. Saksikan tempat-tempat bersejarah dan bangunan-bangunan megah yang menjadi kebanggaan kota Rome.



Makan Malam Di Suasana Tenang



Bersantai sambil bersantap di restoran tertinggi di kota Rome sambil menikmati keindahan Koliseum di waktu malam. Layanan khas bagi semua tetamu dengan hidangan menu Itali yang dijamin halal. Sesuai bagi mereka yang inginkan suasana romantik.

*Disediakan setiap hari dari 7.30 - 10.00 malam (musim panas sahaja)

- Tempahan mesti dilakukan bagi sesi makan malam sekurang-kurangnya 3 hari lebih awal
- Tempah tiket untuk pengalaman istimewa ini melalui laman web www.exceltravels.com

Hubungi talian +65 6086 2187 bagi keterangan lanjut
Pejabat pemasaran: 24 Bolt Lane (9.30 pagi - 6.30 petang)

Arahan: Berdasarkan petikan di atas, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang sesuai.

19 Iklan ini bertujuan untuk menarik perhatian _____.

- A pasangan pengantin baru
- B pengembara berseorangan
- C pelancong yang berkeluarga
- D pengembara yang sukakan ketinggian

20 Penempahan tiket ke Pengalaman di Koliseum boleh dibuat dengan _____.

- A menghubungi talian telefon
- B membuat tempahan 3 hari lebih awal
- C melungsur lalaman web Excel Travels
- D mengunjungi pejabat pemasaran sebelum pukul 6 petang

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan berikut dengan teliti.

Hanya kerana dia dilahirkan cacat, maka dia semacam tidak ada nilai dalam keluarga walaupun kelahirannya di dunia bukan atas kehendaknya tetapi demikianlah **suratan takdir** terhadap dirinya yang tidak mampu ditolaknyanya. Ibu bapa tidak boleh melahirkan seseorang anak mengikut acuan sendiri tetapi telah ditetapkan sebagaimana yang telah difitrahkan. 5

“Betul awak cacat, tetapi yang cacatnya hanya fizikal awak. Itu pun hanya tempang sebelah kaki. Awak masih mampu bergerak. Ada orang lain lebih teruk daripada awak,” kata Ustaz Kamal yang begitu mengambil berat tentang dirinya.

Sebenarnya, dia agak terasa hati, perasaannya kurang tenteram dan fikirannya bercelaru apabila dia dituduh mencuri wang ayahnya yang disimpan di dalam kocek 10 seluar. Entah berapa dolar hilang pun dia tidak tahu. Tetapi tiba-tiba saja dia dimarahi, dicaci dan ayahnya mengungkit-ungkit kecacatannya. Hati mana yang tidak tersayat dan tersiat.

Dia kesal kerana dituduh ayah dan ibunya tanpa usul periksa tetapi dia tidak mampu bersuara. Bukan sekali dia dituduh oleh darah dagingnya sendiri. Pernah dia 15 membuka mulut untuk mempertahankan diri dan sepantas kilat, penampar singgah di mukanya. Untuk melepaskan perasaannya, dia akan menangis semahunya dan berdoa kepada Tuhan supaya dia tidak diseksa dengan tuduhan palsu dan andaian yang bukan-bukan oleh ibu, ayah dan adik-beradiknya.

“Awak paling beruntung kerana akal awak bukan sahaja tidak cacat tetapi cukup 20 cerdas. Awak patut bersyukur. Buktikan kepada ibu dan ayah awak yang awak boleh lebih berjaya daripada kakak dan abang awak,” masih **terngiang-ngiang** lagi kata-kata Ustaz Kamal tempoh hari.

“Alangkah beruntungnya aku kalau hati ayahku sebaik hati Ustaz,” bisik hatinya selepas mengulangkaji pelajaran dan berharap agar dapat menjawab soalan-soalan 25 peperiksaan peringkat GCE ‘O’ dengan tenang dan mudah.

Waktu terus berlalu. Keputusan peperiksaan peringkat GCE ‘O’ diumumkan. Terbukti impiannya menjadi realiti. Pemberita televisyen dan akhbar ingin menemu bualnya; antara pelajar cemerlang seluruh negara. Tidak cukup di sekolah, mereka mengikutnya ke rumah, kononnya hendak menemu bual ibu dan ayahnya. 30

Hatinya berdebar-debar apabila terlihat abangnya diiringi ke kereta polis. Ayahnya tersandar lesu. Ibunya meraung. Rupa-rupanya, abangnya seorang penagih dadah yang begitu dikehendaki polis. Ternyata, penampilan tidak mencerminkan

kejujuran hati seseorang.

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 8, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- 21** Mengapakah penulis berasa dirinya tidak bernilai kepada keluarganya?
(3 markah)
- 22** Jelaskan kekurangan yang ada pada diri penulis.
(3 markah)
- 23** Jelaskan dua kesan daripada tuduhan dan andaian palsu oleh keluarga penulis ke atas dirinya.
(5 markah)
- 24** Wajarkah tindakan bapa penulis mencaci dan mengungkit tentang kecacatannya ketika menuduhnya mencuri wang? Berikan sebab.
(5 markah)
- 25** Nyatakan dua peranan Ustaz Kamal dalam hidup penulis. Jelaskan.
(5 markah)
- 26** 'Ternyata, penampilan tidak mencerminkan kejujuran hati seseorang.' (baris 33-34) Setujukah kamu dengan pernyataan ini? Jelaskan.
(5 markah)

Bagi soalan **27** dan **28**, terangkan maksud perkataan atau frasa yang diberikan berdasarkan petikan karangan di halaman 8 dengan menggunakan tidak lebih daripada 10 perkataan.

- 27** suratan takdir (baris 3) (2 markah)
- 28** terngiang-ngiang (baris 22) (2 markah)

SELESAI